

PELAKSANAAN E-INVOIS HASiL MENUJU FASA KETIGA

Cyberjaya, 1 Julai 2025 – Sebagai manifestasi serta sokongan berterusan terhadap pemeraksanaan sistem percukaian digital negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus giat memperkukuh pelaksanaan e-Invois yang kini beralih ke Fasa Ketiga mulai 1 Julai 2025 dengan melibatkan lebih daripada 50,000 pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan di antara RM5 juta hingga RM25 juta. Terkini, HASiL tampil dengan penganjuran Majlis Pelancaran Pelaksanaan e-Invois Fasa Ketiga yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dan turut dihadiri oleh barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL serta pengurusan kanan HASiL.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dalam ucapannya mengingatkan bahawa tempoh kelonggaran pembayar cukai Fasa Kedua telah tamat pada 30 Jun 2025 dan mereka perlu melaksanakan e-Invois sepenuhnya mengikut garis panduan e-Invois mulai 1 Julai 2025.

Selain itu, beliau turut mengumumkan kelayakan penggunaan kemudahan Sistem MyInvois e-POS iaitu platform digital *Point-of Sale* (POS) secara percuma telah diperluaskan dari PMKS dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM250,000 kepada ambang baharu iaitu jualan atau perolehan tahunan di bawah RM750,000. Tambah beliau lagi, sistem MyInvois e-POS ini direka khas untuk PMKS bagi memudahkan pelaksanaan e-Invois dengan mengintegrasikan fungsi utama perniagaan seperti perekodan jualan, pengurusan inventori, pelaporan kewangan dan sokongan e-Invois.

Suka diingatkan, walaupun pelaksanaan mandatori e-Invois bagi pembayar cukai Fasa 5 dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM1 juta hanya akan bermula pada 1 Julai 2026, HASiL menyeru pihak PMKS untuk mengambil peluang menggunakan Sistem MyInvois e-POS seawal mungkin bagi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan serta memudahkan pelaksanaan e-Invois sebelum pelaksanaan secara mandatori.

HASiL turut mengalu-alukan penyertaan pembayar cukai untuk hadir ke Kaunter Perkhidmatan HASiL di seluruh Malaysia bagi mendapatkan penerangan ringkas berkenaan pelaksanaan e-Invois serta penggunaan Portal MyInvois yang kini menjadi teras dalam pemodenan sistem percukaian negara. Di samping itu, HASiL turut memberikan khidmat nasihat dan bantuan penggunaan Aplikasi MyInvois serta MyInvois e-POS bagi memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif ini.

Sebagai maklumat tambahan, HASiL telah menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai dinasihatkan untuk menghubungi **saluran khas e-Invois** yang disediakan oleh HASiL bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat berkenaan pelaksanaan e-Invois seperti yang berikut:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

Semoga dengan pelaksanaan Fasa Ketiga e-Invois ini mampu memberikan manfaat jangka panjang sepenuhnya kepada semua pihak khususnya dalam menguruskan perniagaan secara strategik dan sistematik demi merealisasikan agenda nasional negara.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Julai 2025

LAMPIRAN



YBrs. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) HASIL menyampaikan ucapan sempena Majlis Pelancaran dan Sidang Media Pelaksanaan e-Invois bagi Pembayar Cukai Fasa 3 hari ini.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) bersama dengan YBrs. Encik Marside @ Marsidi Julika @ Zelika, Ketua Pegawai Operasi Cukai dan turut disertai oleh YBrs. Dr. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Bahagian e-Invois, Sektor Operasi Cukai semasa sesi sidang media pada hari ini.